

**SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN
AKTIVITI PERNIAGAAN BERKAITAN PUSAT LATIHAN DAN PENDIDIKAN
MAJLIS DAERAH MERSING**

PUSAT TUISYEN/SEKOLAH MUZIK/INSTITUSI PENDIDIKAN/TADIKA/PUSAT PERKEMBANGAN MINDA

PERATURAN AM

1. Mendapat kelulusan daripada Jabatan Pendidikan dan bagi sekolah agama, hendaklah mendapat kelulusan Jabatan Agama yang berkaitan.
2. Dilarang menggunakan mana-mana bilik/ruang di premis untuk tujuan penginapan.
3. Dilarang menjalankan aktiviti atau pekerjaan lain dipremis tanpa lesen atau kebenaran Majlis.
4. Tadika yang beroperasi di premis kediaman perlu mendapat kelulusan Kebenaran Merancang dan Permit Ubah Kegunaan Bangunan dari pihak Majlis.

STRUKTUR FIZIKAL & KESELAMATAN

1. Setiap bilik kuliah atau pengajaran hendaklah mempunyai ruang yang selesa dengan pencahayaan dan pengudaraan yang mencukupi.
2. Menutup semua soket elektrik dengan selamat di atas dinding.
3. Sekiranya beroperasi di premis yang lebih dari setingkat perlu menyediakan tangga kecemasan di bahagian luar bangunan.

KEBERSIHAN & KESIHATAN

1. Alat-alat permainan hendaklah selamat dan bersih.
2. Pagar premis pusat asuhan jenis tidak berkarat.

TASKA/PUSAT ASUHAN

PERATURAN AM

1. Mendapat kelulusan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).
2. Dilarang menggunakan mana-mana bilik/ruang dipremis untuk tempat tidur (penginapan) atau untuk makan dan sebagainya melainkan mendapat kebenaran Majlis.
3. Dilarang menjalankan aktiviti atau pekerjaan lain dipremis tanpa lesen atau kebenaran Majlis.
4. Taska dan pusat asuhan yang beroperasi di premis kediaman perlu mendapat kelulusan Kebenaran Merancang dan Permit Ubah Kegunaan Bangunan dari Pihak Majlis.

PERHATIAN

Syarat-syarat di atas masih terus berkuatkuasa sekiranya tempoh permit ini diperbaharui atau dilanjutkan sehingga ada arahan bertulis daripada Majlis Daerah Mersing membatalkan syarat-syarat tersebut.